

PM: Utamakan rajin dan gigi

‘Saya sendiri sedia
bekerja lebih kuat’

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Oleh NAZRI ABDULLAH

BUKIT FRASER, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini melahirkan hasratnya untuk melihat rakyat Malaysia wujud sebagai satu bangsa yang rajin, kuat dan gigih bekerja.

“Inilah harapan saya pada rakyat. Saya berharap sumbangan mereka menyambut seruan saya sebagai hadiah hari jadi saya,” ujarnya kepada para pemberita selepas melawat projek Perindustrian Makanan Malaysia (FIMA) di sini, hari ini.

Perdana Menteri genap 56 tahun hari ini. Bagaimanapun, tidak ada sambutan Hari Jadi besar-besaran diadakan.

Bellau dan isterinya, Datu Seri Dr. Siti Haamah tiba di Bukit Fraser semalam dan bermalam di situ. Pagi tadi beliau diringi oleh Pengerusi FIMA, Datuk Haji Saair Ismail melawat projek tanaman FIMA dekat situ.

Menurut Perdana Menteri, desakan beliau supaya rakyat Malaysia bekerja lebih kuat bukanlah satu cakap kosong kerana beliau sendiri mempraktikkannya.

“Saya sendiri bersedia untuk bekerja lebih kuat dan sebab itulah saya menyeru rakyat juga berbuat demikian,” ujarnya.

Sambil berjenaka Perdana Menteri berkata: “Lihatlah bagaimana saya merayakan hari jadi saya. Walaupun hari ini hari jadi saya, tetapi saya masih juga bekerja.”

Menurut Perdana Menteri, sikap rakyat Malaysia mesti diubah supaya mereka wujud sebagai satu bangsa yang rajin dan kuat bekerja.

Sebagai perbandingan, tambah beliau, seorang rakyat Jepun dapat mengeluarkan 14 buah kereta setahun, seorang rakyat Indonesia dapat mengeluarkan dua buah kereta setahun manakala seorang rakyat Malaysia hanya mampu mengeluarkan 14 buah kereta sahaja setahun.

“Perbandingan ini menunjukkan terdapat suatu keilapasan dalam etika pekerjaan rakyat Malaysia dan ini harus diubah.”

“Satu lagi contoh boleh dilihat di mana seorang pakar Korea yang dibawa untuk membantu rakyat Malaysia terkejut mendapati rakyat Malaysia tidak sanggup bekerja kuat sedangkan ia yang sepatutnya menyelia sanggup bekerja dari jam 5 pagi hingga 7 malam,” tambah beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir selanjutnya menegaskan, etika pekerja Malaysia boleh diubah. Bagaimanapun, perubahan itu tidak boleh berlaku sekaligus kerana ia melibatkan perubahan sistem nilai masyarakat.

Perdana Menteri berharap semua orang tidak kira pegawai kerajaan atau bukan, akan bersama-sama bekerja lebih kuat.

Ditanya sama ada faktor gaji yang menyebabkan pekerja di Malaysia tidak seigih pekerja di Jepun, Perdana Menteri menjelaskan, perbandingan itu tidak boleh dibuat kerana Jepun sekarang ini di peringkat menikmati kekayaan hasil dari kegigihan mereka sebelumnya.

“Sebenarnya pekerja di Malaysia menikmati bayaran yang lebih tinggi dari para pekerja Jepun semasa mereka di tahap pembangunan seperti Malaysia hari ini,” ujar beliau.

Katanya, gajian mementingkan kerja lebih kuat diterima oleh sebilangan besar pegawai-pegawai kerajaan walaupun tidak dinafikan terdapat kekecualiannya.